

PENGIMBAS SUHU BADAN CAP AYAM

# 'TEMBAK' TAPI TAK TEPAT

Wabak Covid-19 mengundang penggunaan pengimbas suhu badan digital secara meluas. Ini menyebabkan berlaku lambakan pengimbas murah dan tidak mengikul piawaian di pasaran, sekali gus memungkinkan bacaan tidak tepat dalam usaha mengawal pandemik maut ini.

Iapor Mohd Jamilul Arbie Md Denin dan Mahatiza Abd Moiik

MS 6 & 7

## Alat pengimbas perlu proses pengesahan

**Sepang:** Institut Metrologi Kebangsaan Malaysia (NMIM) menggesa semua alat pengimbas suhu digital (PSD) perlu melalui proses pengesahan dan kelulusan reka bentuk sebelum dibenarkan dijual kepada orang awam.

Pengarah Teknikal Institut Metrologi Kebangsaan Malaysia (NMIM), Dr Faridah Hussain berkata, kerajaan perlu segera menguatkuasakan kelulusan reka bentuk alat itu bagi mengekang lambakan PSD infra merah tidak mengikut piawaian.

"Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) menyatakan keperluan tentukuran peranti perubatan namun ia mungkin perlu diteliti dan dipinda kerana tidak dinyatakan secara khusus untuk PSD infra merah ini.

"Manakala Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007 (Akta 675) bertanggungjawab memastikan kelulusan reka bentuk dilakukan bagi mengelakkan lambakan produk tidak berkualiti di pasaran.

"Justeru, NMIM menawarkan kepakaran dan bersedia bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta agensi berkaitan bagi menguatkuasakan kedua-dua akta ini," katanya ketika ditemui Harian Metro di NMIM Sepang.

Katanya, apabila dua akta terbabit dikuatkuasakan, semua produk dari luar perlu melalui proses semakan kualiti dan kelulusan reka

bentuk bagi memastikan alat itu menepati piawaian sebelum dibenarkan berada di pasaran.

"Kelulusan reka bentuk sekiranya dikuatkuasa, setiap produk perlu dihantar ke pusat bertauliahan misalnya NMIM sendiri untuk beberapa proses ujian sebelum mengeluarkan kelulusan untuk digunakan kepada orang awam.

"Sekiranya tidak memenuhi garis panduan itu, maka alat itu tidak akan diluluskan untuk dijual di pasaran.

"Ini akan menggalakkan pengeluar dan peniaga lebih berhati-hati dan bertanggungjawab dengan hanya membawa masuk produk berkualiti terutama dari sumber luar negara," katanya.

Menurutnya, sudah tiba masanya perkara ini diberi perhatian berikutnya lambakan produk PSD infra merah tidak berkualiti dan tidak menepati piawaian dijual berleluasa di pasaran.

"Kebanyakan PSD infra merah ini banyak datang dari China dan Taiwan dan dijual secara meluas dalam talian tanpa ada sebarang kawalan ketat.

"Alat ini semakin menjadi keperluan terutama apabila kerajaan mewajibkan setiap premis perlu menyediakan alat ini, kita bimbang jika ada pihak mengambil kesempatan mengaut keuntungan semata-mata.

"Jika alat itu tidak memberikan bacaan sebenar ia akan mendatangkan risiko dan merbahaya apabila orang yang tidak sihat bercampur gaul dengan orang sihat dalam satu tempat," katanya.



ALAT pengimbas suhu digital tiruan dan berkualiti rendah ada di pasaran.